

KESALAHAN EJAAN

PRAKTIS 1

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Semua kaki tangan sekolah diminta memberikan kerjasama agar proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berjalan dengan lancar.
kaki tangan - _____
- (ii) Keprihatinan ibu bapa terhadap penglibatan anak-anak dalam aktiviti ko-kurikulum amat penting agar mereka tidak terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral.
ko-kurikulum - _____
- (iii) Pengarah muda yang berbakat besar itu berjaya memenangi anugerah bagi kategori filem komidi terbaik pada festival filem peringkat Asia.
komidi - _____

[3 markah]

PRAKTIS 2

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Fathia sentiasa membawa buku nota dan kelender mininya ke mana-mana sahaja dia pergi.

- (ii) Hadi memarahi Shafiq kerana mematahkan pensil yang baru dibelinya semalam.

- (iii) Kakak tidak lupa untuk menyapu losyen pada mukanya setiap kali sebelum tidur.

[3 markah]

PRAKTIS 3

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Semua pelajar perlu perihatin terhadap tanggungjawab mereka untuk menjaga kebersihan dan keharmonian sekolah.
